

**SULIT****3766/2****Perniagaan****Kertas 1****2025****1jam 15 minit****PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TAHUN 2025**

---

---

**PERNIAGAAN**

Kertas 1  
Satu Jam Lima Belas Minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

### Jawab semua Soalan

1. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri bentuk pemilikan perniagaan.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hal ehwal syarikat dirahsiakan</li> <li>• Tidak bebas pindah milik syer</li> <li>• Liabiliti terhad</li> </ul> |
|---|

Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut?

- A Syarikat Sendirian Berhad  
 B Syarikat Awam Berhad  
 C Milikan tunggal  
 D Koperasi
2. Aktiviti manakah yang terlibat dalam sektor primer?
- A Kimi menjual udang  
 B Hairi menternak kerang dalam kolam  
 C Amin memproses ikan dijadikan keropok  
 D Pak Jamil menghantar sayur-sayuran ke pasar
3. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

<p>Puan Kamariah merupakan pengusaha gula melaka asli di Durian Tunggal , Melaka. Beliau mempunyai pekerja tetap seramai 30 orang dan jumlah jualan tahunan sebanyak RM500 000.</p>
---

Apakah saiz dan sektor perniagaan tersebut?

	Saiz	Sektor
A	Kecil	Utama
B	Kecil	Kedua
C	Sederhana	Utama
D	Besar	Kedua

4. Gambar 1 di bawah menunjukkan satu bentuk pemilikan perniagaan.



Apakah matlamat penubuhan organisasi di atas?

- I Untuk meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan
- II Untuk menguruskan beberapa pusat kajian alam sekitar
- III Untuk meningkatkan keuntungan jangka panjang
- IV Untuk mengukur hala tuju sesebuah perniagaan

- |   |            |   |            |
|---|------------|---|------------|
| A | I dan II   | B | I dan IV   |
| C | II dan III | D | III dan IV |

5. Apakah peranan kerajaan pusat dalam aspek perundangan untuk menangani isu-isu sesebuah negara?

- A Menyediakan pembiayaan
- B Perlindungan pengguna
- C Menjalankan penyelidikan dan pembangunan
- D Menjalankan aktiviti perkembangan perniagaan

6. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan peranan Bank Negara Malaysia (BNM)?

- I Memberikan pinjaman jangka panjang pada perniagaan
- II Meningkatkan kestabilan kewangan bagi pertumbuhan ekonomi dan perniagaan
- III Memantau dan mengawal keadaan ekonomi negara
- IV Mengawal selia infrastruktur sistem pembayaran perniagaan

- |   |            |   |            |
|---|------------|---|------------|
| A | I dan II   | B | I dan IV   |
| C | II dan III | D | III dan IV |

7. Berikan huraian yang tepat tentang jenis pelepasan cukai elaun pelaburan semula.

- A Diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan pengeluaran makanan, pembinaan jalan dan pembukaan tanah untuk pembelian asset modal.
- B Diberikan kepada syarikat status Koridor Raya Multimedia (MSC) dan terlibat dalam industri teknologi tinggi
- C Potongan cukai diberikan kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan dengan kadar potongan bergantung pada jenis perbelanjaan yang terlibat
- D Diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan

8. Apakah kesan deflasi?

- A Permintaan terhadap barang atau perkhidmatan meningkat secara berterusan
- B Wujud lambakan barang atau perkhidmatan dalam pasaran
- C Kuasa beli pengguna meningkat
- D Berlaku guna tenaga penuh

9. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan pembentukan misi sesebuah organisasi?

- I Pernyataan ringkas menerangkan tujuan perniagaan
- II Garis panduan dalam pengurusan organisasi
- III Rancangan jangka masa pendek
- IV Ketetapan dalam melakukan aktiviti perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. Maklumat berikut berkaitan dengan objektif perniagaan yang ingin dicapai oleh Puan Amirah.

Menyiapkan tempahan 200 pasang baju kurung pada bulan Mei, 300 pasang baju kebaya pada pertengahan bulan Jun dan dapat menghantar semua tempahan kepada pelanggan pada awal bulan Julai.

Apakah ciri objektif yang terlibat?

- A Munasabah
- B Jangka masa
- C Boleh dicapai
- D Boleh diukur

11. Faktor manakah yang menunjukkan kemampuan sesebuah perniagaan untuk mengekalkan operasi dalam industri?

- A Penyediaan perkhidmatan
- B Titik pulang modal
- C Syer pasaran
- D Daya saing


12. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos bagi pengeluaran 50 000 unit produk X.

Kos tetap	RM100 000
Bahan langsung	RM200 000
Buruh langsung	RM150 000

Apakah titik pulang modal (unit) bagi pengeluaran produk X sekiranya harga jualan produk itu ialah RM15 seunit?

- A 12 000 unit
- B 12 500 unit
- C 13 000 unit
- D 13 500 unit

13. Rajah di bawah berkaitan dengan bahagian fungsian pembelian dalam perniagaan.



Apakah X?

- A Membuat pesanan pembelian
- B Menerima barang tempahan
- C Menerima tempahan belian
- D Menerima sebut harga

14. Perniagaan Puan Salbiah menghadapi penurunan jumlah jualan akibat lambakan produk baharu yang lebih berkualiti dan menarik di pasaran. Apakah bahagian fungsian yang dapat membantu menyelesaikan masalah Puan Salbiah?

- A Pemasaran
- B Pengagihan
- C Pengurusan sumber manusia
- D Penyelidikan dan Pembangunan

15. Antara yang berikut, manakah merupakan aspek penting dalam carta organisasi dalam perniagaan?

- I Pembahagian tugas
- II Peringkat pengurusan
- III Pengagihan sumber perniagaan
- IV Peraturan dalam organisasi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16. Pasangan yang manakah betul?

	<b>Bahagian Fungsian Organisasi</b>	<b>Pernyataan</b>
A	Pemasaran	Mengawal selia segala aspek pembiayaan
B	Penyelidikan dan Pembangunan	Menukarkan barang dengan menggunakan alat transaksi
C	Teknologi Maklumat	Melindungi data perniagaan dari diceroboh
D	Kewangan	Menambah baik produk sedia ada

17. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber manusia.

- Memantau prestasi pekerja
- Memastikan motivasi pekerja sentiasa pada tahap tinggi.

Apakah yang boleh dikaitkan dengan maklumat di atas?

- A Sistem penggajian sumber manusia
- B Keboleherjaan sumber manusia
- C Pengurusan sumber manusia
- D Struktur organisasi sumber manusia

18. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

- Wujudkan semangat berpasukan dalam perniagaan
- Wujudkan kerjasama untuk mencapai sasaran pasukan

Apakah peranan tersebut?

- A Prestasi Pasukan
- B Keperluan merekrut pekerja
- C Latihan peningkatan kemahiran
- D Membangunkan pasukan mencapai sasaran

19. Antara berikut manakah merupakan faktor penentu kemahiran kebolehkeraan?

- A Standard prosedur operasi tugas yang dipatuhi
- B Sistem penggajian yang kompetitif
- C Kelayakan yang tertinggi
- D Berpengalaman

20. Antara berikut manakah merupakan bukan faktor penentu sistem penggajian?

- A Permintaan dan penawaran bahan mentah
- B Undang-undang dan peraturan organisasi
- C Bentuk dan jenis tugas yang ditetapkan
- D Ganjaran yang dibayar oleh organisasi

21. Mengapakah mesin perlu diselenggara secara berkala?

- I Meningkatkan keuntungan syarikat
- II Memastikan operasi perniagaan berjalan lancar
- III Menjimatkan masa pemprosesan output
- IV Mengurangkan tenaga sumber manusia

- |   |            |   |            |
|---|------------|---|------------|
| A | I dan II   | B | I dan IV   |
| C | II dan III | D | III dan IV |

22. Apakah tujuan utama perniagaan mengurus stok?

- A Supaya stok sentiasa diperaga
- B Supaya stok sentiasa mencukupi
- C Menjimatkan ruang penyimpanan stok.
- D Supaya stok sentiasa berada dalam keadaan selamat

23. Pilih pernyataan yang tepat tentang sumber fizikal perniagaan.
- A Aset nyata sesebuah perniagaan
  - B Bangunan dan kemudahan perniagaan
  - C Aset ketara sesebuah perniagaan
  - D Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi perniagaan
24. Sumber pembiayaan manakah yang merupakan sumber dalaman bagi perniagaan kilang kereta?
- A Rizab
  - B Overdraf
  - C Jaminan kredit
  - D Modal permulaan dari bank
25. Antara yang berikut, manakah jenis modal perniagaan bagi seorang penggerai sate?
- I Bangunan
  - II Wang tunai
  - III Pekerja mahir
  - IV Peralatan memasak
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
26. Pada pendapat anda, apakah kelemahan sumber pembiayaan dalaman kepada sebuah Syarikat yang ingin mengembangkan operasi pengeluarannya?
- A Tertakluk kepada terma dan syarat
  - B Memerlukan penjamin dan cagaran
  - C Menghadapi kos seperti kaedah pinjaman
  - D Sukar menambah modal dalam masa yang singkat
27. Mengapakah analisis titik pulang modal (TPM) sangat penting kepada sesebuah perniagaan?
- A Menjamin keberuntungan perniagaan
  - B Memastikan produk yang dijual disukai ramai
  - C Memastikan sesebuah perniagaan itu berdaya saing
  - D Membolehkan peniaga merancang pengeluaran untuk memperoleh keuntungan sasaran

28. Pernyataan manakah berkaitan dengan Penyata Aliran Tunai?

- A Menunjukkan keupayaan perniagaan untuk menjelaskan liabiliti semasa
- B Menunjukkan harta dan hutang perniagaan
- C Menunjukkan kedudukan nilai aset,liabiliti dan ekuiti sesebuah perniagaan
- D Menunjukkan butiran tentang aset bukan semasa dan aset semasa

29. Berikut adalah maklumat kewangan bagi Café Marina bagi tahun 2024.

Untung Kasar	RM25400
Untung Bersih	RM10200
Jualan	RM45600
Kos Jualan	RM20200

Hitungkan Margin Untung bersih bagi Café Marina .

- A 125.74%
- B 55.70%
- C 22.36%
- D 50.50%

30. Bagaimanakah Puan Munirah pemilik Kedai Bunga Matahari dapat memperbaiki nisbah semasa perniagaannya .

- A Memohon pinjaman dari agensi Kerajaan
- B Menambahkan bilangan aset perniagaan
- C Mengurangkan perbelanjaan operasi
- D Membeli bahan mentah secara kredit

31. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian usahawan.

Farah merupakan usahawan muda yang sanggup menghadiri kelas pemasaran pada waktu malam walaupun telah bekerja seharian.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah ciri-ciri keperibadian tersebut?

- A Berani untuk gagal
- B Komitmen yang tinggi
- C Berani mengambil risiko
- D Pandai mengambil peluang

32. Situasi manakah yang menunjukkan ciri-ciri keperibadian usahawan yang pandai mengambil peluang?

- A Amir menolak tawaran menyertai ekspo perniagaan kerana takut gagal
- B Siti membuka kedai dobi 24 jam setelah melihat permintaan tinggi dalam kawasannya.
- C Hakim hanya meniru produk yang dijual pesaing tanpa sebarang penambahbaikan.
- D Aishah enggan menyertai kursus latihan keusahawanan walaupun ditaja sepenuhnya

33. Dialog berikut berkaitan dengan kekuatan diri usahawan

- Aiman : Nora, terima kasih sebab sentiasa sokong idea-idea saya.
- Nora : Sama-sama Aiman. Kita kena saling menyokong kerana perniagaan ini kita mulakan bersama.
- Aiman : Saya hargai apabila awak tolong uruskan pelanggan dan sentiasa beri pandangan jujur.
- Nora : Saya pun rasa lebih yakin kerana kita berbincang dulu sebelum buat apa-apa keputusan

Apakah kekuatan diri usahawan tersebut.

- A Fokus tenaga dan tumpuan
- B Keupayaan membina jenama
- C Perhubungan baik dengan pasangan
- D Menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu

34. Antara berikut merupakan faktor-faktor penyumbang memulakan perniagaan **kecuali**

- A Stok
- B Latihan
- C Pemasaran
- D Undang-undang

35. Antara berikut, dokumen manakah yang berkaitan dengan jualan barang niaga?

- I Invois
- II Bil tunai
- III Bil insurans
- IV Penyata bank

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36. Maklumat berikut berkaitan promosi.

**Menarik pelanggan dengan memberi sampel percuma**

- A Publisiti
- B Pengiklanan
- C Promosi jualan
- D Jualan langsung

Maklumat berikut berkaitan dengan penerimaan dan pembayaran.

	RM
Belian barang niaga	11 200
Jualan barang niaga	21 300
Komisen diterima	13 200
Gaji pekerja	1 200
Kadar bayaran	800

37. Berapakah lebihan atau kurangan Perniagaan Ahmad Albab?

- A Kurangan RM5 100
- B Kurangan RM17 300
- C Lebihan RM21 300
- D Lebihan RM23 700

38. Apakah rancangan perniagaan?

- A Dokumen bertulis mengenai maklumat perniagaan dengan terperinci
- B Gambaran ringkas yang spesifik berkenaan keseluruhan perniagaan
- C Maklumat mengenai tenaga kerja yang terlibat dalam perniagaan
- D Membentangkan maklumat asas perniagaan yang dicadangkan

39. Mengapakah rancangan perniagaan perlu disediakan?

- A Merancang keperluan sumber perniagaan
- B Mengetahui kedudukan tapak projek
- C Menyenaraikan keperluan pejabat
- D Menjaga kebajikan pekerja

40. Antara yang berikut, manakah format rancangan perniagaan?

- I Latar belakang perniagaan
- II Rancangan pemasaran
- III Rancangan pembiayaan
- IV Bentuk perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**KERTAS SOALAN TAMAT**